HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Takaful Keluarga

Tarikh: 19/11/2025

Pelanggan yang dihormati,

Helaian Pendedahan Produk ini memberikan anda maklumat penting tentang takaful berkaitan pelaburan anda.
Pelanggan lain telah membaca Helaian Pendedahan Produk ini dan mendapati ia membantu; **anda harus membacanya juga.**

1 Apa itu Dynamic Horizon?

Ini adalah produk takaful**. Dynamic Horizon** menyediakan gabungan perlindungan takaful dan pelaburan. Ia adalah pelan takaful berkaitan pelaburan sumbangan tunggal yang melindungi kematian dan Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK).

Konsep-konsep Syariah yang diguna pakai

Tabarru', Wakalah, Ju'alah, Mudarabah, dan Hibah adalah konsep-konsep syariah yang diguna pakai untuk pelan ini. Sila rujuk sijil untuk maklumat lanjut mengenai konsep-konsep syariah tersebut.

2 Ketahui Perlindungan/Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, untuk RM50,000.00, anda akan menerima perlindungan/manfaat takaful keluarga berikut hingga umur 100 tahun.		
1	Manfaat Kematian	1) **RM500,000.00** tambah sumbangan tambah nilai, tolak sebarang amaun pengeluaran separa didarab dengan pengganda jumlah permulaan yang dilindungi; atau 2) Nilai akaun; atau 3) **RM5,000**; mana-mana yang tertinggi.
2	Manfaat HUMK	1) **RM500,000.00** tambah sumbangan tambah nilai, tolak sebarang amaun pengeluaran separa didarab dengan pengganda jumlah permulaan yang dilindungi; atau 2) Nilai akaun; atau 3) **RM5,000**; mana-mana yang tertinggi, akan dibayar sebelum umur ke-69 orang yang dilindungi, tertakluk kepada RM2juta setiap orang yang dilindungi.
3	Manfaat Matang	Nilai akaun
4	Manfaat Serahan	Nilai akaun ditolak caj serahan, jika ada.

Peringatan: Sila rujuk ilustrasi pemasaran untuk butiran-butiran produk ini. PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi kami atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Takaful berkaitan pelaburan anda **mengecualikan**:
* Bunuh diri - jika kematian disebabkan bunuh diri ketika waras dalam 1 tahun dari tarikh pengeluaran atau tarikh pengembalian semula yang terkini.
* HUMK yang berlaku secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh perkara berikut:
  a) Kecederaan diri yang disengajakan atau cubaan membunuh diri, ketika waras;
  b) Penyertaan di dalam apa-apa perbuatan jenayah atau menyalahi undang-undang, mogok, rusuhan, keganasan atau kekecohan awam.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda perlu merujuk kepada sijil untuk senarai pengecualian yang lengkap.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai takaful keluarga berkaitan pelaburan anda, anda boleh:

Hubungi kami di 1-300-88-6688 (Perkhidmatan Pelanggan Kumpulan Maybank)	Lawati kami di laman web ini[1]	E-mel kami di info@etiqa.com.my	Imbas kod QR

[1] https://www.maybank2u.com.my/maybank2u/malaysia/en/personal/insurance/dynamic-horizon.page

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk takaful keluarga berkaitan pelaburan anda, anda mesti membayar sumbangan:	
Sumbangan	**RM50,000.00**
Tempoh: Anda hanya perlu membuat satu kali pembayaran sumbangan.	
Pengendali takaful memperuntukkan sebahagian daripada sumbangan untuk membeli unit dalam dana pelaburan pilihan anda.	
Sumbangan Diperuntukkan Untuk Pembelian Unit	95.5% daripada jumlah sumbangan tahun pertama atau **RM47,750.00** Sila rujuk ilustrasi pemasaran untuk butiran lanjut.
Anda juga perlu membayar fi dan caj berikut:	
Caj Tabarru'	Caj tabarru' akan ditolak pada setiap bulan dari nilai akaun anda.
Duti Setem	**RM10** akan dibayar oleh kami
Jumlah Fi Wakalah	4.50% dari jumlah sumbangan atau **RM2,250.00**

Caj-caj Lain Yang Dikenakan

a) Caj Pentadbiran

Tidak berkenaan.

b) Fi Pengurusan Dana

Dana Yang Dipilih	Peruntukan Pelaburan (% daripada amaun peruntukan)	Fi Pengurusan Dana Tahunan (% daripada Nilai Aset Bersih)
Dana Syariah Sukuk Global	50%	1.00%
Dana Syariah Strategik Ekuiti Global	50%	1.00%

c) Fi Pertukaran Dana

Pertukaran adalah tidak terhad dan percuma.

d) Caj Serahan

Caj serahan dibawah akan digunapakai, jika anda memilih untuk menamatkan sijil anda sebelum tarikh matang sijil:

Serahan pada Tahun Sijil	Caj Serahan (% daripada Sumbangan Tunggal)
1 – 6	2.5%

4 Syarat Utama Lain

* Anda mesti mendedahkan semua fakta material seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul bagi membantu kami membuat keputusan yang betul untuk menerima risiko dan menentukan kadar dan terma sijil anda. Jika sebaliknya, anda mungkin berisiko membatalkan kontrak anda, tuntutan anda ditolak, atau terma dan syarat sijil diubah.
* Anda harus memastikan bahawa pelan ini memenuhi keperluan anda dan anda mampu membayar sumbangannya.
* Sebarang pengeluaran separa akan mengurangkan jumlah yang dilindungi bersamaan dengan jumlah pengeluaran separa didarab dengan pengganda jumlah permulaan yang dilindungi, tertakluk kepada jumlah yang dilindungi minimum RM5,000.
* Nilai akaun sijil berkaitan pelaburan anda bergantung kepada prestasi dana-dana berkaitan pelaburan yang anda pilih dan tidak dijamin. Penolakan unit akaun untuk caj sijil adalah sepanjang tempoh sijil.
* Untuk mengelak sijil daripada luput, anda mungkin diminta untuk menambah nilai sumbangan pada masa hadapan jika terdapat semakan caj tabarru' yang akan menyusutkan nilai akaun dengan lebih cepat, atau jika nilai akaun tidak mencukupi untuk menampung caj-caj sijil sepanjang tempoh sijil.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda perlu merujuk kepada sijil untuk senarai terma dan syarat yang lengkap.

Bolehkan saya membatalkan sijil saya?

Ya, anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberikan arahan bertulis kepada kami.

- **Tempoh percuma:** Anda boleh membatalkan sijil anda dengan mengembalikan sijil kepada kami dalam masa 15 hari selepas sijil diterima oleh anda. Jumlah sumbangan yang tidak diperuntukkan, nilai akaun dana pelaburan mengikut harga unit pada penilaian yang berikutnya, dan sebarang fi dan caj sijil yang telah ditolak, tolak sebarang caj perubatan yang dikenakan akan dikembalikan kepada anda.
- **Selepas tempoh percuma:** Anda boleh membatalkan sijil anda dengan mengembalikan sijil kepada kami berserta permohonan serahan secara bertulis. Nilai serahan (jika ada) adalah tidak dijamin dan bergantung kepada prestasi dana berkaitan pelaburan yang anda pilih. Sila pertimbangkan dengan sewajarnya sebelum anda membuat serahan kerana nilai serahan mungkin kurang daripada sumbangan yang telah dibayar dan tertakluk kepada caj serahan, jika berkenaan.

Pengakuan Pelanggan*

Pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan anda faham tujuan tandatangan anda.

☐ Saya mengakui bahawa Etiqa Family Takaful Berhad telah memberikan saya salinan Helaian Pendedahan Produk bagi Dynamic Horizon.
☐ Saya telah membaca dan memahami maklumat utama yang terkandung dalam Helaian Pendedahan Produk ini bagi Dynamic Horizon.

* Pengakuan pelanggan terhadap Helaian Pendedahan Produk ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan ganti rugi sekiranya berlaku pertikaian seterusnya mengenai terma dan syarat produk.

_____

Nama:
Tarikh: